

INSTITUT TEKNOLOGI MARA

ASAS-ASAS *TARANNUM*
AL-QUR'AN
KES STUDI : SURAH AL-FATIHAH

TESIS INI DIKEMUKAKAN
KEPADA FAKULTI SENI PERSEMBAHAN
SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA
SYARAT-SYARAT IJAZAH SARJANA MUDA MUZIK

OLEH
NURULHAMIMI BT HAJI ABDUL RAHMAN

95821967

SHAH ALAM, SELANGOR

SESSI JUN 99

SINOPSIS

Kajian ini tertumpu kepada perkaitan di antara ilmu tajwid dan bacaan berlagu. Ilmu tajwid merupakan asas di dalam pembacaan al-Qur'an. Ilmu ini memainkan peranan yang penting bagi menghasilkan pembacaan yang sempurna dari segi sebutan, harqat bacaan, lingkungan *makhrāj* dalam bacaan serta yang berkenaan dengannya. Bacaan yang baik dan sempurna adalah berasaskan pengetahuan ilmu tajwid yang mendalam. Masyarakat kini kurang pendedahan terhadap ilmu tajwid, maka dengan itulah, kajian ini cuba mendedahkannya melalui bacaan berlagu atau tarannum al-Qur'an bagi menarik perhatian umum dalam mempelajarinya.

Bacaan berlagu atau *tarannum* al-Qur'an adalah merupakan asas serta di peringkat yang tertinggi di dalam seni bunyi Islam. Ianya dikategorikan sebagai non-musiqa yang tergolong sebagai seni bunyi di dalam konteks budaya Islam seperti yang terdapat di dalam struktur Handasah al-Sawt yang diterima oleh agama Islam sebagai seni bunyi yang halal. Bacaan berlagu merupakan kelaziman bagi penghafaz-penghafaz al-Qur'an di kalangan *qari* atau *qariah* di dalam pembacaan al-Qur'an. Terdapat 7 jenis lagu-lagu al-Qur'an yang sesuai digunakan di dalam majlis-majlis tilawah al-Qur'an sehingga ke peringkat antarabangsa.

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Bersyukur saya ke kehadiran Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya serta berkat doa dan kesabaran juga bantuan dari semua pihak, akhirnya dapat saya menyiapkan tesis ini. Syukur alhamdulillah... Di kesempatan ini, ingin saya merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada keluarga tersayang terutamanya kepada ayah saya, Tuan Haji Abdul Rahman bin Haji Abd Mutalib serta ibu saya, Zaharah binti Shaarani yang terlalu banyak membantu serta memberi dorongan dan semangat kepada saya dalam menghasilkan tesis ini. Jasa mereka tidak dapat saya lupakan dan begitu juga dengan abang serta kakak saya iaitu Yop, Yong, Nyah dan Kak Nyah yang banyak memberi semangat serta galakan terhadap saya.

Teristimewa buat tunang yang tersayang, Mohammad Hafiz bin Yazid, terima kasih di atas segala-gala pengorbanan yang diberikan di dalam penyelidikan ini. Kepada semua rakan-rakan terutama kepada Rita, Khai, Nur, Delly, Abang Ad', Yus, Wan, Man dan lain-lain yang banyak memberi dorongan dan tunjuk ajar, terima kasih di atas segala-galanya. Jasa kalian semua tidak dapat dilupakan.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI RAJAH	vii
SENARAI GAMBARAJAH	viii
GLOSARI	ix
Bab	
1. PENGENALAN	1
Latar Belakang Kajian	
Tujuan	
Kaedah	
Organisasi	
Skop Kajian	
2. HUKUM TAJWID DAN PEMBAHAGIANNYA	17
Pengertian Hukum Tajwid	
Hasil dan Kepentingan Mempelajari Ilmu Tajwid	
Pembahagian Ilmu Tajwid	
Lingkungan <i>Makhrāj</i>	
<i>Qira'at</i> dan Kepentingannya	

BAB 1

PENGENALAN

Latar Belakang

Muzik menjadi kegemaran ramai serta menarik perhatian umum. Naluri semulajadi manusia sememangnya memerlukan muzik di dalam kehidupan mereka seharian. Konsep muzik mempunyai ertikata yang luas di dalam budaya Islam iaitu merangkumi kesemua seni bunyi. Mengikut hirarki seni bunyi yang dicadangkan oleh Lamy al-Faruqi (Rujukan: al-Faruqi, Lois Ibsen. 1986. *Handasah al-Sawt* in The Cultural Atlas of Islam. New York: Macmillian Publishing Co), seni bunyi boleh dikategorikan sebagai *musiqah* atau *non musiqah* iaitu seni yang kontroversial atau haram dalam Islam dan halal serta boleh diterima. Di antara seni-seni bunyi di dalam kategori *musiqah* adalah seperti muzik harian yang didapati seperti muzik kontemporari masakini, muzik berunsur komersial seperti rock, pop, alternatif, jazz dan sebagainya manakala *non musiqah* pula adalah seni bunyi dalam budaya Islam seperti bacaan al-Qur'an, nasyid, qasidah, zikir dan sebagainya. Penyelidikan ini tertumpu kepada seni bunyi yang teragung di dalam Islam, iaitu seni pembacaan al-Qur'an. Di dalam Islam, asas atau tapak seni bunyi itu datangnya daripada pembacaan al-Qur'an yang memuatkan rangkaian ciri-ciri penting sebagai satu undang-undang untuk membolehkan pembacaan al-Qur'an dilaksanakan dengan baik. Perkara ini telah pun dicatatkan di dalam rajah *Handasah Al-Sawt* di mana kedudukan al-Qur'an merupakan yang teratas sekali dan dari sini jelas